

19/09/1997

FAO mahu negara membangun tingkatkan makanan

KUALA LUMPUR, Khamis - Pertubuhan Pertanian dan Makanan Sedunia (FAO) mahu negara sedang membangun meningkatkan pengeluaran makanan secara besar-besaran bagi membantu negara yang rakyatnya menghadapi kebuluran.

Ketua Pengarahnya, Dr Jacques Diouf, berkata hasrat pertubuhan itu disampaikan kepada ketua kerajaan negara terbabit dalam rangka lawatan sebelum ini.

Beliau yang berada di Malaysia sejak semalam atas tujuan yang sama, berkata FAO berharap pengeluaran makanan secara besar-besaran mampu mengurangkan jumlah mangsa kebuluran yang kini 800 juta orang, termasuk 200 juta kanak-kanak di seluruh dunia.

Menurutnya, pertubuhan itu menetapkan sasaran mengurangkan jumlah mangsa kebuluran sehingga 50 peratus menjelang tahun 2015.

"Kegiatan pengeluaran makanan secara besar-besaran boleh dijalankan menerusi kerjasama di antara negara sedang membangun," katanya pada sidang akhbar di sebuah hotel di sini sebelum berlepas ke Rom.

Ketika di negara ini, beliau menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

(END)